

**NO. SOALAN : 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ  
[ SUNGAI SIPUT ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7524**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [ Sungai Siput ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pemohon yang berjaya mendapat kerakyatan Malaysia antara 1 Januari 2010 hingga 31 Disember 2014 tetapi masih belum menuntut kad pengenalan biru mereka.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Mana-mana individu yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia akan dikeluarkan dengan Sijil Kewarganegaraan. Seterusnya, adalah menjadi tanggungjawab individu tersebut untuk hadir semula ke Jabatan Pendaftaran Negara dan mengemukakan permohonan untuk dikeluarkan dengan suatu Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad).**

**Oleh itu, jumlah warga asing yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia bagi tempoh dari 2010 sehingga 2014 tetapi masih belum hadir ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk memohon Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) adalah seramai 669 orang.**

**Selain itu, bagi tempoh yang sama, jumlah warga asing yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia dan telah memohon Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) di Jabatan Pendaftaran Negara tetapi masih belum membuat kutipan adalah seramai 5,076 orang.**